



DAMINI CORPORATION SDN BHD
No 22, Jalan SS 26/6, Taman Mayang Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7803 9085 / 9046 | Fax : 03-7803 8107
www.damini.com.my



DELTA PERDANA SDN BHD,
No 24, Jalan Utarid U5/14, Seksyen U5,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7845 4997 | Fax : 03-7845 9849
www.deltaperdana.com.my

KENYATAAN AKHBAR
(Untuk Siaran Segera)

DELTA PERDANA, SYARIKAT BUMIPUTERA KE PERINGKAT ANTARABANGSA

Dengan Moto “*The MALAYSIAN BRAND Mark, your passport to worldwide acceptance*”, menjadikan jenama “Malaysia Brand” impian setiap syarikat.

Menerusi usaha berterusan pihak kerajaan untuk mengubah serta menaikkan imej produk-produk PKS bagi menjadi satu jenama besar di peringkat global, SME corporation Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS Sdn. Bhd. telah menubuhkan jenama kebangsaan iaitu “*Malaysian Brand*” dimana penjenamaan ini menggambarkan kualiti serta kecemerlangan sesuatu produk dan perkhidmatan syarikat-syarikat di Malaysia.

Dibawah program ini, penyertaan syarikat-syarikat akan dinilai melalui standard yang ketat dimana pengauditan dan pemantauan langkah-langkah akan dilaksanakan untuk memastikan standard kualiti yang telah ditetapkan dipatuhi. Jika berjaya, maka produk atau perkhidmatan tersebut akan dianugerahkan jenama “*The National Mark Of Malaysia Brand*”. Dalam usaha untuk mengekalkan penjenamaan tersebut, pengauditan dan langkah-langkah pemantauan akan dilakukan secara berkala untuk memastikan pematuhan kepada set kriteria.

Damini Corporation Sdn Bhd (DMC) adalah merupakan syarikat milik penuh bumiputera yang bergiat cergas di dalam industri air tempatan dan serantau. Pada tahun 2005, DMC telah menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu Delta Perdana Sdn Bhd (DPSB) khusus bagi menghasilkan meter air buatan Malaysia yang berkualiti tinggi dan setanding dengan produk meter air jenama antarabangsa yang lain.

Berbekalkan pengalaman yang luas dan kepakaran anak tempatan, DPSB telah berjaya merangkul pengiktirafan “*The National Mark Of Malaysia Brand*” yang dianugerahkan oleh SME Corporation dan pengiktirafan kualiti daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd pada

13 April 2012 bagi produk eksklusif DPSB iaitu Meter air yang diperbuat daripada bahan kejuruteraan thermoplastic.

DPSB merupakan syarikat ke-42 yang telah dianugerahkan pengiktirafan “*The National Mark Of Malaysia Brand*” disamping beberapa jenama produk buatan tempatan yang lain. Penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan terhadap kemampuan DPSB dalam melahirkan produk berkualiti antarabangsa pada harga yang kompetitif di pasaran tempatan dan serantau.

Sebagai pengeluar dan pengedar meter air berkualiti tinggi buatan tempatan, DPSB telah menghasilkan beberapa jenis dan saiz meter air dengan jenama dagangan ‘DELTA METER’ yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan yang terdiri daripada syarikat pembekalan air tempatan seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Syarikat Bekalan Air Negeri Sembilan (SAINS), Jabatan Bekalan Air Sabah (JBAS), Syarikat Air Johor (SAJ) dan beberapa syarikat bekalan air yang lain.

Malahan meter air jenama ‘DELTA METER’ telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan dieksport ke beberapa buah negara serantau seperti Vietnam, Kemboja dan Filipina. Disamping itu, DPSB juga sedang dalam usaha untuk menembusi pasaran baru seperti India, Brunei, Laos dan Indonesia. Pada kadar pengeluaran sebanyak 45,000 unit meter air sebulan pada ketika ini, DPSB yakin mampu meningkatkan lagi pengeluaran produk ke tahap 60,000 unit sebulan dengan 25% daripadanya untuk pasaran luar Negara.

Menurut Borhanuddin Ramli, Pengarah Urusan Delta Perdana Sdn Bhd, pihak syarikat telah berusaha keras untuk mendapat pengiktirafan “Malaysia Brand” ini dimana syarikat terpaksa melalui 6 peringkat tapisan permohonan sebelum diberikan pengiktirafan yang berprestij ini.

Pihak syarikat juga harus memenuhi beberapa kriteria penilaian yang telah ditetapkan oleh SME Corporation dan SIRIM QAS International meliputi aspek pentadbiran dan pengurusan; keupayaan kewangan; kualiti, aktiviti pemasaran dan promosi produk serta tanggungjawab sosial korporat syarikat.

“Saya yakin pengiktirafan ini bakal membantu Delta Perdana khususnya serta Damini Corporation amnya untuk terus melonjakkan diri ke pasaran global kerana Pensijilan “Malaysia Brand” telah menyediakan pelbagai manfaat kepada organisasi yang mendapatkan pengiktirafan jenama tersebut”.

Delta Perdana sebagai salah sebuah organisasi yang diperakui di bawah skim ini akan turut berhak untuk menerima manfaat seperti geran pembiayaan promosi bernilai RM100,000.00, akses yang berterusan untuk aktiviti promosi perdagangan samaada tempatan dan antarabangsa serta aktiviti pengiklanan dan promosi oleh MATRADE.

Selain itu, syarikat-syarikat dibawah skim ini akan turut berpeluang untuk menjalani latihan khusus yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dan rakan niaga yang lain, serta berpeluang menyertai Program Mentor anjuran MICCI-SME Corp. Malaysia dimana ianya akan membantu syarikat yang layak untuk menyertai pasaran global secara langsung dan menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat di peringkat antarabangsa.

Malahan, baru-baru ini juga DPSB turut terlibat semasa program *SMIDEX 2012 - "SMEs Shaping the Future"* yang berlangsung di KLCC pada 20 sehingga 22 Jun yang lalu. Program anjuran SME Corporation tersebut merupakan acara tahunan dimana DPSB merupakan salah sebuah daripada 350 buah syarikat terpilih dari dalam dan luar Negara yang menyertai pameran semasa program berkenaan.

Damini Corporation kini juga bukan sahaja hanya mengeluarkan meter air berkualiti tinggi menerusi anak syarikatnya iaitu Delta Perdana, malahan Damini Corporation juga terlibat dalam beberapa sektor lain seperti industri *Oil and Gas*, pembekal bahan kimia dan reagen untuk proses rawatan air dan sedang bergiat aktif untuk menceburi industri teknologi hijau khususnya sektor tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) iaitu biomass dan biogas serta yang terbaru, DMC telahpun menandatangani 2(dua) MOU kerjasama iaitu bersama sebuah syarikat dari United Kingdom bagi produk alat pemadam api komposit pertama di Malaysia dan sebuah syarikat yang terkenal dari negeri China bagi penghasilan meter tenaga elektrik.

Diharapkan dengan pengiktirafan jenama "Malaysia Brand" ini akan membuka peluang yang lebih luas kepada Delta Perdana untuk membuktikan keupayaan Delta Perdana sebagai sebuah Syarikat Bumiputera yang berdaya saing dan mampu menjadi syarikat pembekal Meter Air utama di Malaysia dan di rantau ASEAN.

Borhanuddin Ramli
Pengarah Urusan
Damini Corporation Sdn Bhd / Delta Perdana Sdn Bhd